

Headline	Dakwaan pembekal kekal harga disiasat		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	15 Jul 2018	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	245,911
Page No	13	Readership	737,733
Language	Malay	ArticleSize	201 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,489
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,466



Dakwaan pembekal kekal harga disiasat

KUCHING 14 Julai - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna akan menyiasat dakwaan terdapat pemborong masih mengekalkan harga barangan meskipun kadar sifar cukai barangan dan perkhidmatan (GST) sudah dilaksanakan sejak 1 Jun lalu.

Timbalan Menteri, Chong Chieng Jen berkata, pihaknya akan menyiasat dakwaan ada pengusaha restoran melakukan kesalahan itu termasuk di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

Katanya, pegawai kementerian akan menyemak sama ada terdapat individu, pemborong

atau peniaga yang mengekalkan harga secara tanpa keperluan dan tidak munasabah.

“Kesemua perniagaan mahu keuntungan namun yang tidak munasabah itulah dikatakan sebagai pencatutan,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika diminta mengulas mengenai dakwaan pengusaha restoran yang mengatakan terdapat pemborong masih mengekalkan harga barangan tertentu walaupun sifar GST selepas membuat tinjauan di Pasar



CHONG CHIENG JEN

Komuniti Stutong di sini, hari ini.

Mengulas lanjut, kata beliau, bagi barangan makanan yang sebelum ini dikecualikan GST juga tidak jelas kelihatan penurunan harga.

“Keadaan ini berlaku kerana kemungkinan kos pengurusan terlibat hanya

menurun sedikit.

“Namun, secara amnya harga barangan adalah stabil seperti yang dapat kita lihat di pasar raya dan pasar komuniti,” katanya.

Sementara itu, Chong Jen

memberitahu, polisi sifar pembuangan (*zero waste*) yang dimaklumkan menteri berkenaan, Datuk Saifuddin Nasution Ismail dijangka dilaksanakan pada hujung tahun ini.

Katanya, banyak koordinasi dan pertemuan bersama pihak berkepentingan akan dibuat untuk merealisasikan polisi itu yang akan membawa manfaat kepada semua.

“Antara perkara akan ditangani melalui polisi itu termasuk soal ketirisan barangan bersubsidi yang menyebabkan tidak diterima golongan sasar seperti minyak masak, produk Petroleum RON95 dan diesel serta gas petroleum cecair (LPG),” ujarnya.